

DBKL pasang dinding sementara sebelum kerja baik pulih

(21.05.2023) Metro, PG

Kuala Lumpur: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mengambil tindakan segera dengan memasang dinding sementara di sebuah unit di Perumahan Awam Loke Yew di sini, yang tercabit dalam kejadian hujan lebat disertai ribut, kelmarin.

Pihak berkuasa tempatan (PBT) itu dalam satu ke-

nyataan, semalam memaklumkan pihaknya juga menutup dan memagar dinding yang tercabit menggunakan *zebra* atau *hazard tape* bagi mengelakkan kejadian tidak diingini berlaku di lokasi terbabit.

"Dinding sementara sudah dipasang di unit terbabit sebelum kerja-kerja baik pulih dinding kekal di-

laksanakan dalam tempoh terdekat.

"Selain itu, terdapat juga empat rumah di Blok 3, Perumahan Awam Seri Johor terbabit dengan insiden bumbung blok tercabit.

"Pihak DBKL sudah mengambil

tindakan segera dengan memagar kawasan sisa runtuh menggunakan *hazard tape* untuk mengelakkan kejadian tidak diingini berlaku di tapak sisa runtuh bumbung terbabit,"

katanya. Menu-
rutnya,

kerja-kerja pemasangan kanvas sementara sudah dilakukan di kawasan bumbung unit rumah terbabit sebelum kerja baik pulih bumbung kekal dilaksanakan dalam tempoh terdekat.

"Bekalan elektrik di unit terbabit juga diputuskan bagi tujuan keselamatan. Penghuni yang terbabit su-

dah berpindah ke rumah saudara di kawasan berhampiran.

"Tiada pusat pemindahan sementara (PPS) dibuka buat masa ini," katanya.

Terdahulu, video dinding rumah flat berkenaan terbabit tular di media sosial sejak malam kelmarin sehingga mendapat perhatian pelbagai pihak.

**Bekalan elektrik
diputuskan bagi
tujuan keselamatan**